

# Ambil pengajaran kisah Firaun

Firman Allah SWT yang bermaksud: Sudahkah sampai kepadamu (Wahai Muhammad) perihal Nabi Musa? Ketika ia diseru oleh Tuhannya di "Wadi Tuwa" yang suci. (lalu diperintahkan kepadanya): "Pergilah kepada Firaun, sesungguhnya ia telah melampaui batas (dalam kekufuran dan kezalimannya). Serta katakanlah kepadanya: Adakah Engkau suka hendak mensucikan dirimu (dari kekufuran)? Dan mahukah, aku tunjuk kepadamu jalan mengenal Tuhanmu, supaya engkau merasa takut (melanggar perintah-Nya)?" (Setelah Nabi Musa menyempurnakan perintah Tuhannya, dan Firaun pun meminta bukti kebenarannya), maka Nabi Musa AS memperlihatkan kepada Firaun: mukjizat yang besar. Lalu Firaun mendustakan (Nabi Musa) dan menderhaka (kepada Allah). Kemudian ia berpaling ingkar sambil menjalankan usahanya (menentang Nabi Musa). Lalu ia menghimpunkan orang-orangnya dan menyeru dengan berkata: "Akulah Tuhan kamu, Yang tertinggi". Maka Allah menyiksa Firaun di akhirat dan di dunia ini, dengan azab yang menakutkan sesiapa yang mengetahuinya. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi pelajaran yang mendatangkan iktibar bagi orang-orang yang takut (melanggar perintah Tuhannya). (al-Nazi'at: 15-26)

Oleh DR. ZULKIFLI MOHAMAD ALBAKRI

## Mukadimah

MUHAMMAD Quraish Shihab dalam tafsirnya berkata: Ayat-ayat ini menghuraikan kisah Nabi Musa a.s dengan Firaun untuk menunjukkan betapa besar kuasa Allah menjatuhkan seksa kepada para penentang-Nya.

Ini diuraikan sebagai ancaman kepada para penderhaka sekali gus, sebagai penenang hati Nabi SAW. Al-Biq'a'i menilai bahawa pemilihan kisah Firaun kerana berlakunya perkara yang luar biasa untuk menjadi contoh kecil pada hari kiamat.

Dalam kisahnya antara lain perhimpunan Bani Israel bersama harta benda dan binatang mereka lalu disusuli dengan tentera Firaun cepat dan tangkas.

Namun semuanya diakhiri dengan mudah oleh Allah SWT dalam bentuk yang sangat mustahil di sisi manusia.

Firman Allah SWT: Sudahkah sampai kepadamu (Wahai Muhammad) perihal Nabi Musa? Ketika ia diseru oleh Tuhannya di "Wadi Tuwa" yang suci.

Ibn Kathir berkata: Allah SWT menghabarkan kepada Nabi-Nya Muhammad SAW berkenaan Nabi Musa AS yang diutuskan kepada Firaun dengan diperkuatkan beberapa mukjizat. Oleh itu, ikutilah jejak langkahnya.

Al-Maraghi berkata: Kejayaan itu dicapai oleh Nabi Musa a.s sewaktu baginda dipanggil oleh Tuhannya di lembah suci lagi diberkati terletak di lereng Gunung Sinai.

Kemudian Allah SWT menjelaskan

## Tafsir Al-Quran & Asbabun Nuzul

### SIRI KELIMA

dialog antara-Nya dengan Nabi Musa a.s menerusi ayat ini.

Mengikut pendapat kebanyakan ulama al-Wadi al-Muqaddas yang bernama Lembah Thua terletak di Palestin di bawah Gunung Thursina.

Dikatakan lembah itu berada di arah kanan Gunung Thur. Ini bagi mereka yang datang dari daerah Madian iaitu di sisi utara Arab Saudi.

Firman Allah SWT: (lalu diperintahkan kepadanya): "Pergilah kepada Firaun, sesungguhnya ia telah melampaui batas (dalam kekufuran dan kezalimannya). Serta katakanlah kepadanya: Adakah Engkau suka hendak mensucikan dirimu (dari kekufuran)? Dan mahukah, aku tunjuk kepadamu jalan mengenal Tuhan-mu, supaya Engkau merasa takut (melanggar perintah-Nya)?"

Ayat-ayat di atas menggambarkan perintah Tuhan kepada Musa AS untuk berdakwah dan memberi nasihat kepada Firaun selepas jelas sifat keji dan melampaunya.

Ini diharap supaya mereka kembali ke pangkal jalan sebelum ditimpa azab sama ada di dunia dan di akhirat. Allah mengajar cara berhadapan dengan Firaun secara lemah-lembut kerana ia lebih terkesan.

Sebahagian ulama berpendapat Firaun yang dimaksudkan bernama Maneftah, memerintah di Mesir antara 1224 SM-1214, atau menurut pendapat lain 1204 SM.

Maneftah ditemukan mumianya di Wadi al-Mulk (lembah Raja-raja) daerah

Thaba-Luxor, Mesir pada tahun 1896 M dan dibuka pembalut-pembalutnya oleh Eliot Smith seorang Ahli Kaji Purba pada 8 Julai 1907.

Firman Allah SWT: (setelah Nabi Musa menyempurnakan perintah Tuhannya, dan Firaun pun meminta bukti kebenarannya), maka Nabi Musa a.s memperlihatkan kepada Firaun, mukjizat yang besar.

Iaitu mukjizat tongkat dan mukjizat tangan yang putih melekak bagi meyakinkan dakwah yang dibawanya dari Allah SWT. Malangnya keangkuhan Firaun menyebabkan mereka ingkar bahkan menentangnya seperti firman Allah SWT pada ayat-ayat berikutnya.

Firman Allah SWT: Lalu Firaun mendustakan (Nabi Musa) dan menderhaka (kepada Allah). Kemudian ia berpaling ingkar sambil menjalankan usahanya (menentang Nabi Musa). Lalu ia menghimpunkan orang-orangnya dan menyeru, dengan berkata: "Akulah Tuhan kamu, yang tertinggi".

Firaun dalam rangka menentang kebenaran dengan kebatilan yang dianutinya telah mengumpul ahli sihir serta orang ramai untuk menghadapi mukjizat Nabi Musa a.s, lebih malang lagi dia mendakwa sebagai Tuhan yang tertinggi.

Al-Maraghi berkata: Firaun terus bongkak dan sombong sehingga dia mengejar Nabi Musa a.s dan kaumnya yang pergi menuju ke Laut Merah sewaktu keluar dari Mesir.

Firman Allah SWT: Maka Allah menyiksa Firaun di akhirat dan di dunia ini, dengan azab yang menakutkan sesiapa yang mengetahuinya. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi pelajaran yang mendatangkan iktibar bagi orang-orang

yang takut (melanggar perintah Tuhannya).

Ibn Kathir berkata: Allah SWT menimpakan azab sengsara kepadanya untuk dijadikan ibrah dan pengajaran bagi orang seumpamanya yang melakukan takbur dan penyelewengan di dunia.

Sedangkan orang yang mengambil pengajaran itulah sebenar-benar orang yang takut dan mendapat kebaikan dalam hidupnya.

Dalam tafsir al-Misbah menyebut berkenaan pendapat beberapa pakar sejarah iaitu Firaun yang ditenggelamkan ini bukanlah Firaun yang memungut Nabi Musa a.s dari sungai Nil.

Sebaliknya yang ditenggelamkan ini adalah puteranya yang dibesarkan bersama Musa a.s dan kemudian menjadi Firaun iaitu pemerintah tertinggi Mesir.

## Penutup

Syed Qutb berkata: Orang yang mengenali Tuhan-Nya dan takut kepada-Nya dapat memahami contoh pengajaran dari kisah Firaun.

Namun, bagi mereka yang hatinya tidak mengenal takwa akan terhibat dari contoh pengajaran itu hingga mereka berlanggar dengan akibat yang buruk sehingga Allah SWT menyiksa mereka dengan azab yang dahsyat di dunia dan di akhirat.

Setiap orang mendapat pilihan untuk memilih jalan ke arah kebaikan atau keburukan. Hanya orang yang takut kepada Allah sahaja dapat mengambil pengajaran.

**KITA perlu mengambil pengajaran daripada setiap musibah yang berlaku.** - Gambar hiasan

